

Rafizi dakwa SYABAS cuba cipta krisis air

MalaysiaKini.com

26 Julai, 2012

Oleh Koh Jun Lin

Pengarah strategi PKR Rafizi Ramli mendakwa pemegang konsesi air Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menanggung bayaran kepada loji rawatan air antara enam hingga tujuh bulan, dengan tunggakan yang meningkat hingga RM2 bilion.

"Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd memungut wang daripada anda dan saya; ia memungut wang daripada keluarga kita, tetapi menyekat wang ini," kata Rafizi dalam satu forum di Subang Jaya pada malam tadi.

Beliau mendakwa SYABAS berusaha untuk mencipta satu krisis air dalam tindakan terdesak untuk membantu Umno merampas semula Selangor dalam pilihan raya akan datang.

Jika masalah ini berterusan, tambahnya, pengerusi eksekutif SYABAS Tan Sri Rozali Ismail terus menikmati gaya hidup "superstar" dengan gaji tahunan sebanyak RM5 juta, walaupun negeri itu mempunyai kadar air tak berhasil yang paling tinggi di negara ini.

"Jika Rozali mahu terus sekat bayaran kepada loji pemprosesan air untuk menghilangkan keupayaan mereka dan mencipta krisis air di Selangor, sekurang-kurangnya dia boleh lepaskan (gaji) RM5 juta setahun.

"Setuju atau tidak?," soalnya yang disambut dengan jawapan "Ya" oleh para hadirin.

SYABAS merupakan salah satu daripada empat pemegang konsesi pembekal air di Selangor.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/204704>